



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



KTC
KOLEJ TUANKU CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

LAPORAN LAWATAN KE BLOK PELAJAR (BLOK SISWA & SISWI)

**MAJLIS FELO & JKM KOLEJ TUANKU
CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

PADA

13 NOVEMBER 2023

DI

BLOK SISWA DAN SISWI
Kolej Tuanku Canselor
Universiti Teknologi Malaysia



LAPORAN : Lawatan Ke Blok Pelajar (Blok Siswa & Siswi)

Tarikh: 13 November 2023

Hari: Isnin

Masa: 8.30 malam – 11.00 malam

Objektif Program : Menyantuni pelajar-pelajar Siswa dan Siswi KTC yang berada di kolej kediaman selain meninjau kebajikan pelajar supaya sentiasa terjamin. Selain itu, program lawatan ini juga dapat memberi sokongan moral kepada pelajar-pelajar Siswa dan Siswi KTC untuk bersemangat menjalani pengajian sepanjang semester ini. Tambahan pula, lawatan ini dapat mengukuhkan hubungan diantara Majlis Felo (Felo dan Pembantu Felo) dan juga Ahli JKM KTC serta pelajar-pelajar kolej. Blok yang terlibat adalah S37, S38, S39 dan S40 (blok siswa) dan S10, S11, S14 dan S15 (blok siswi). Sesi Lawatan ini dihadiri bersama-sama oleh Pengetua KTC iaitu Prof. Ir Dr. Sharul Kamal bin Abdul Rahim, 7 orang Felo, 7 orang Pembantu Felo, 21 orang ahli JKM KTC dan 14 orang Ketua Blok.

Kumpulan Lawatan Ke Blok Pelajar:

BLOK	NAMA	JAWATAN
S37	1. Dr. Sharial 2. Mat Noor 3. Aiman 4. Iqbal 5. Fareed 6. Rizal 7. Ridhu 8. Iman	Felo Pembantu Felo Ketua Blok Ketua Blok Ketua Blok JKM JKM JKM
S38	1. Dr. Hendra 2. Danish 3. Yong 4. Amirul 5. Khairil 6. Mus 7. Yahya 8. John 9. Aniq	Felo Pembantu Felo Ketua Blok Ketua Blok Ketua Blok JKM JKM JKM JKM
S39	1. Prof Sharul 2. Dr. Thalhah 3. Matthias 4. Aulia 5. Zahin 6. Koci 7. Boi 8. Wan	Pengetua Felo Pembantu Felo Ketua Blok Ketua Blok JKM JKM JKM
S40	1. Dr. Fadhlil 2. Syahir 3. Lee 4. Hatim 5. Arif 6. Luqman 7. Rozai 8. Shanor	Felo Pembantu Felo Ketua Blok Ketua Blok JKM JKM JKM JKM
S10	1. Pn. Rafidah 2. Law 3. Nany 4. Dyna	Felo Ketua Blok JKM JKM
S11	1. Dr. Yana 2. Wafaa 3. Nurin 4. Sya	Felo Ketua Blok JKM JKM
S14	1. Azanni 2. Tiew 3. Syairah 4. Syu	Pembantu Felo Pembantu Felo Ketua Blok JKM
S15	1. Dr. Fatin 2. Fatin 3. Ruu Yik 4. Fariza 5. Dani	Felo Pembantu Felo Ketua Blok JKM JKM

Sesi Lawatan ini juga dihadiri bersama-sama oleh Felo, Pembantu Felo dan ahli JKM KTC untuk meninjau serta melawat blok-blok yang terlibat.

Hasil Dapatan Daripada Lawatan

- Isu kebijakan pelajar yang tinggal di blok-blok KTC juga turut dimaklumkan kepada pelajar supaya tiada pelajar mengalami sebarang permasalahan sepanjang pengajian di UTM dan penginapan di KTC.
- Pelajar KTC juga diminta sentiasa peka dan ambil peduli terhadap kemudahan-kemudahan yang rosak dan segera melaporkan kepada pejabat kolej untuk tindakan terutamanya lampu, kipas, dan tandas.
- Faktor kekemasan blok/aras blok pelajar terutamanya blok Siswa yang perlu diberi penekanan oleh setiap pelajar yang tinggal untuk memastikan keadaan persekitaran blok/aras blok terjamin.
- Faktor kebersihan juga perlu dititik beratkan terutamanya di setiap aras asrama pelajar iaitu tong sampah. Pelajar KTC di blok-blok besar Siswa dan Siswi meminta pungutan sampah untuk setiap tong sampah di setiap aras blok dibuang ke tong besar di luar blok terutamanya pada hujung minggu. Hal ini kerana pada hujung minggu, kuantiti sampah yang ada di setiap tong sampah melebihi kapasiti tong sampah sedia ada dan berlakunya limpahan sampah.
- Pelajar siswi telah ditekankan untuk mengunci pintu kecemasan serta pintu blok supaya keselamatan mereka terjamin dan mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku.
- Terdapat beberapa kerosakan yang dilaporkan oleh pelajar-pelajar di blok seperti bilik bocor, tandas tersumbat, kipas perlahan, pintu tidak boleh dikunci dan sebagainya. Pihak Felo dan JKM telah mengambil maklum kerosakan-kerosakan yang dilaporkan oleh para penghuni blok.

GAMBAR AKTIVITI: Lawatan Ke Blok Pelajar (Blok Siswa & Siswi)



Felo menyampaikan maklumat dan pesanan kepada pelajar di blok jagaan.



Felo, Pembantu feolo dan JKM melawat bilik-bilik pelajar dan memastikan semua berada dalam keadaan baik.



Pembantu felo dan JKM beramah mesra bersama pelajar di blok jagaan.



Felo dan Pembantu felo bertanya keadaan pelajar sambil melawat bilik-bilik pelajar.